

# Peka perubahan sikap ahli keluarga

TIDAK terjangkau dek akal apabila ada individu yang bertindak melampaui batas dengan melancarkan serangan ganas sehingga meragut nyawa orang ramai dan meninggalkan seribu satu misteri.

Jika dilihat dari luaran mungkin kita sukar mentafsirkan gelodak perasaan yang dihadapi oleh mereka yang bertindak kejam sehingga memilih jalan hitam itu.

**Pensyarah Kanan Pusat Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Aizan Sofia Amin** berkata, perlakuan kejam seseorang individu boleh terjadi disebabkan gangguan mental dan kegagalan



AIZAN SOFIA



MOHAMMAD RAHIM

mengawal emosi.

"Mereka yang gagal menguruskan emosi dan mengalami gangguan jiwa akan bertindak di luar jangkaan kerana tidak mampu berfikir secara rasional.

"Sehubungan itu, perhatian daripada keluarga sangat penting untuk sentiasa peka dengan perubahan sikap ahli keluarga agar masalah itu tidak menjadi semakin

parah," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Jelasnya, individu yang mengalami masalah emosi dan mental tidak suka bergaul dengan masyarakat, sering memencilkan diri, murung dan tidak ceria.

Aizan Sofia turut mengingatkan, sekiranya berlaku perubahan sikap dalam kalangan ahli keluarga maka, tindakan segera perlu diambil seperti berbincang masalah yang dihadapi, berjumpa dengan kaunselor dan pakar psikiatri.

Sementara itu, **Pakar Kriminologi dan Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin** berkata, serangan di kelab malam

Pulse merupakan satu tindakan berani dan terancang.

"Omar Mateen seorang yang berani kerana hanya bertindak seorang diri dan sudah merancang serangan itu malah dia juga mengetahui risiko yang bakal dihadapinya.

"Serangan tersebut berkemungkinan besar bertujuan untuk mengajar golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender serta menganggapnya sebagai sebahagian daripada bentuk jihad kerana perbuatan tersebut dilarang dalam Islam," katanya.

Berdasarkan modus operandi berkemungkinan besar dia seorang yang waras ketika melakukan serangan itu dan tekad melaksanakannya.